

1. OBJEKTIF

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pihak pemohon/pelawat yang berhasrat dan bercadang untuk mengadakan lawatan di rumah api di bawah seliaan dan pentadbiran oleh Jabatan Laut Wilayah Tengah, Jabatan Laut Wilayah Timur, Jabatan Laut Wilayah Utara, Jabatan Laut Wilayah Selatan, Jabatan Laut Labuan termasuk Jabatan Laut Sabah dan Jabatan Laut Sarawak hendaklah mendapatkan kebenaran dan juga kelulusan daripada pihak Jabatan Laut Malaysia.

2. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN KETETAPAN

Permohonan mengadakan lawatan bagi tujuan pengetahuan umum, pembelajaran, rekreasi dan lain – lain aktiviti perlu mengikut syarat – syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut Malaysia seperti berikut :

- 1) Permohonan hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia atau kepada Pengarah Laut Wilayah mengikut lokasi penempatan Rumah Api dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh lawatan bagi tujuan pertimbangan kelulusan.
- 2) Kelulusan Ketua Pengarah Laut atau Timbalan Ketua Pengarah Laut atau Pengarah Laut Wilayah atau mana – mana pegawai yang dinamakan oleh Ketua Pengarah Laut atau Pengarah Laut Wilayah hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum lawatan tersebut dilakukan.
- 3) Sekiranya permohonan lawatan ke Rumah Api yang terletak di kawasan pulau atau di tengah laut, pemohon/pelawat dikehendaki mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia mengambilkira pertukaran Penjaga Rumah Api. Walau bagaimanapun, pemohon/pelawat adalah disarankan untuk menguruskan pengangkutan ke Rumah Api dengan sendiri.

GARIS PANDUAN LAWATAN KE RUMAH API

- 4) Sekiranya permohonan lawatan ke Rumah Api yang terletak di kawasan pulau atau di tengah laut mengambil masa lebih daripada satu (1) hari, pemohon/pelawat dikehendaki menguruskan pengangkutan bot pergi dan balik di bawah tanggungjawab pemohon/pelawat dengan sendiri.
- 5) Jabatan Laut Malaysia tidak akan menyediakan sebarang kemudahan atau kelengkapan seperti penginapan, makan dan minum kepada pemohon/pelawat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penginapan tertakluk kepada budi bicara Pengurusan Atasan Jabatan Laut Malaysia.
- 6) Ketua Pelawat dikehendaki melaporkan kehadiran kepada Penjaga Rumah Api yang bertugas dengan membawa bersama surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia. Ketua Pelawat hendaklah memastikan bahawa ahli kumpulan lawatan yang terlibat mematuhi segala arahan serta peringatan yang dikeluarkan oleh Penjaga Rumah Api yang bertugas ketika lawatan dilakukan.
- 7) Apa jua aktiviti atau program oleh pemohon/pelawat di Rumah Api mestilah tidak akan menimbulkan sebarang gangguan atau menjelaskan operasi dan kelancaran sistem lampu Rumah Api dan lain – lain sistem yang berkaitan.
- 8) Pemohon/pelawat dikehendaki sentiasa memelihara kebersihan kawasan persekitaran, keharmonian dan keselamatan Rumah Api.
- 9) Pemohon/pelawat diingatkan bahawa waktu lawatan yang dibenarkan (mengikut lokasi Rumah Api) adalah sehingga jam 6.00 petang sahaja.
- 10) Pemohon/pelawat tidak dibenarkan untuk menaiki menara utama Rumah Api dan tidak dibenarkan masuk ke bilik sistem lampu Rumah Api.

GARIS PANDUAN LAWATAN KE RUMAH API

- 11) Sebarang kerosakan yang berlaku disebabkan oleh kecuaian pemohon/pelawat, pihak pemohon/pelawat adalah diminta untuk menanggung segala kos pembaikan semula yang akan dijalankan.
- 12) Kerajaan Malaysia serta Jabatan Laut Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas apa jua kesulitan, kemalangan, kecederaan, tuntutan pihak ketiga atau sebagainya yang berlaku pada mana – mana pemohon/pelawat semasa berada di Rumah Api, mahupun segala kesan atau akibat daripada aktiviti yang dijalankan oleh pemohon/pelawat.
- 13) Pemohon/pelawat dikehendaki supaya menandatangani Notis Penafian / *Letter of Indemnity* yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Laut Wilayah mengikut lokasi Rumah Api yang muh dilawati.


3. KUASA MELULUS PERMOHONAN LAWATAN

- 1) Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia
- 3) Pengarah Laut Wilayah
- 4) Pegawai yang diperturunkan kuasa atau dinamakan oleh Ketua Pengarah Laut, Timbalan Ketua Pengarah Laut dan Pengarah Laut Wilayah

4. RUMUSAN

Adalah menjadi harapan bahawa Garis Panduan ini dapat memberi panduan kepada mana – mana pihak dalam membuat permohonan lawatan ke Rumah Api Jabatan Laut Malaysia.

CARTA ALIR PERMOHONAN LAWATAN RUMAH API, JABATAN LAUT MALAYSIA



CARTA ALIR PERMOHONAN LAWATAN RUMAH API, JABATAN LAUT MALAYSIA

PROSEDUR :

1. Pihak pemohon perlu menghantar surat permohonan lawatan ke Rumah Api dalam masa 14 hari sebelum tarikh lawatan kepada Jabatan Laut Malaysia.
2. Ketua Pengarah Laut / Timbalan Ketua Pengarah Laut bersetuju tetapi bersyarat dengan tarikh cadangan dan tiada halangan.
3. Ketua Pengarah Laut / Timbalan Ketua Pengarah Laut / Pengarah Jabatan Laut Wilayah / Pegawai yang dinamakan berkuasa untuk memberi pertimbangan atau kelulusan terhadap penggunaan pengangkutan bot Jabatan dan sebaliknya.
4. Pegawai yang berkenaan mengemukakan surat maklumbalas terhadap permohonan mengadakan lawatan dan perlu mengikut syarat – syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia.
5. Jika sekiranya Rumah Api yang ingin dilawati pemohon sedang dalam proses pembaikan, restorasi, penyelenggaraan dan lain – lain, Jabatan Laut boleh menolak permohonan atau pemohon memilih tarikh lain untuk lawatan.
6. Pemohon perlu menandatangani Notis Penafian / *Letter of Indemnity* yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.



**JABATAN LAUT MALAYSIA
IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**

Tel : 603-3346 7777
Faks : 603-3168 5289
Laman Web : www.marine.gov.my

NOTIS PENAFIAN

LETTER OF INDEMNITY

Dalam pertimbangan oleh **JABATAN LAUT WILAYAH** membenarkan saya, di atas tanggungjawab saya sendiri terhadap segala kemalangan, belayar sebagai penumpang dalam mana – mana **Kapal/Bot** yang dimiliki atau dikendalikan oleh **JABATAN LAUT WILAYAH** dan sewaktu berada di mana – mana Rumah Api yang dimiliki oleh **Jabatan Laut**. Saya dengan ini bersetuju dengan **JABATAN LAUT WILAYAH** bahawa pelayaran dan lawatan ke **Rumah Api** tersebut adalah di atas tanggungjawab saya sendiri terhadap segala kemalangan kepada diri saya atau harta benda saya dan bahawa saya akan mengambil sebarang risiko, tidak kira apa sebabnya, dan saya dengan ini melepaskan dan membebaskan **JABATAN LAUT WILAYAH** dan menjaminnya dari sebarang tindakan, tuntutan dan desakan dalam apa jua bentuk dan jenis di mana saya, atau waris saya, pelaksana wasiat, pengurus atau mungkin menetapkan sekarang, atau mungkin atau boleh pada bila – bila masa selepas ini terhadap **JABATAN LAUT WILAYAH** untuk atau memperhitungkan sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan terhadap saya, orang – orang saya atau kepunyaan saya semasa pelayaran dan sewaktu berada di **Rumah Api**, sama ada di dalam atau di atas atau berhampiran mana – mana **Kapal/Bot** dan **Rumah Api** atau mendapatkannya atau darinya, atau dalam apa jua keadaan yang berkaitan dengannya, atau melibatkan pelayaran dan lawatan tersebut, dan sama ada apa – apa kehilangan, kerosakan atau kecederaan disebabkan oleh kelalaian, kecuaian atau salahlaku oleh **JABATAN LAUT WILAYAH** sendiri, kakitangannya, agen – agennya atau ahli – ahlinya, atau bagaimana sekali pun.

Bertarikh :

Saksi :

Nama :

Nama :

No K/P :

No K/P :

Alamat :

Alamat :

Tandatangan :

Tandatangan

Nota : Notis ini hendaklah ditandatangani oleh setiap penumpang/pelawat yang bukan kakitangan Jabatan Laut sebelum Kapal/Bot belayar dan diserahkan kepada Pegawai Bertugas.

**“Ke Arah Negara Kelautan Elektronik”
“Towards e-Maritime Nation”**



Cert. No : MAS 101138 (A)